




**MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal/Syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta Pembekal/Syarikat juga hendaklah berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** dan **Majlis Perbandaran Kuala Selangor** bagi kerja-kerja seperti berikut :-


BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER	HARGA DOKUMEN
1.	<p>KERJA - KERJA PENYELENGGARAAN KAWASAN LANDSKAP DAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI ZON 26 MELIPUTI SELURUH KAWASAN ECO BUSINESS PARK V FASA 3A2, 3A3, 1A, 1B, 2B DAN KOLAM TADAHAN MUKIM IJOK DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TEMPOH 2 TAHUN</p> <p>No.Tender : MPKS T4/2025</p>	<p>221002 (Perkhidmatan -Khidmat Kebersihan Dan Rawatan - Membersih Kawasan)</p> <p>&</p> <p>221003 (Perkhidmatan -Khidmat Kebersihan Dan Rawatan - Mengangkat Sampah)</p>	<p>17.04.2025 (Khamis) Jam 10.00 Pagi</p> <p>Dewan MPKS, Puncak Alam</p>  <p>3.230448640423456, 101.41290935117212</p>	<p>Mulai 17.04.2025 Hingga 07.05.2025</p> <p>Dokumen Meja Tender boleh disemak di laman sesawang https://tender.selangor.my/</p>	<p>08.05.2025 (jam 12 t/hari)</p> <p><i>Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima</i></p>	RM 150.00
<p>LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN, MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR NO TELEFON : 03-32891439/233</p>						

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman sesawang <https://ip3ks.mpks.gov.my> bermula pada Tarikh Jualan Dokumen yang ditetapkan dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Pembekal/Syarikat perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran Tender. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** serta salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan bersama-sama Dokumen Tender yang telah lengkap.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Tender serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Perbandaran Kuala Selangor** sebelum atau pada tarikh tutup tender, jam 12.00 tengahari.

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.


(HAJI MOHAMAD HANAFE BIN BASRI S.M.S.,)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
QS/azri/iklan T/26032025

Tarikh : 26 Mac 2025